

PENGUNAAN DIDIK HIBUR DALAM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH KEBANGSAAN

(Utilisation of Edu-tainment in Primary Schools' Islamic Education)

*Mohd Rosmadi Mohd Salleh¹, Hafizhah Zulkifli²

¹Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar
71450 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Article History:

Submit: 7 April 2020

Accepted: 15 April 2020

Revised: 11 July 2020

Published: 28 December 2020

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 4, No. 2 (2020), 1-16

Abstrak

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah, didik hiburan merupakan salah satu kaedah pengajaran yang diketengahkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) agar murid dapat belajar dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sikap murid, kesediaan murid dan penerimaan murid terhadap pendekatan didik hiburan dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian tindakan dan penilaian kebolegunaan kaedah ini menggunakan soal selidik ke atas 102 orang murid darjah enam di sebuah sekolah kebangsaan di Daerah Seremban. Hasil kajian daripada analisis deskriptif mendapati bahawa min konstruk sikap pelajar berada pada tahap tinggi ($M=32.87$, $SD=5.77$) diikuti min konstruk penerimaan berada pada tahap sederhana ($M=25.61$, $SD=3.79$) manakala min konstruk kesediaan berada pada tahap rendah ($M=20.05$, $SD=3.78$). Hasil analisis inferensi pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap murid dan penerimaan murid berdasarkan jantina manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesediaan murid dengan jantina. Justeru itu, kajian ini memberi impak kepada murid dalam membentuk pembelajaran yang kondusif di dalam kelas disamping membentuk sikap yang positif dalam diri mereka

Kata kunci: Didik hiburan; Sikap; Pendidikan Islam; Pembelajaran abad ke-21; Murid

Abstract

In the process of teaching and learning in Islamic Education, fun learning is one of the highlighted teaching methods in the Curriculum Standard of Primary School (KSSR) in order to make the students enjoy and learn in fun environment. The purpose of this study was to examine the student's attitude, student's readiness and student's acceptance of the fun learning approach in the learning process of Islamic Education. This study was conducted using action research and the evaluation of the used of fun learning was using questionnaires to 102 sixth grade students at a national primary school in Seremban District. The descriptive analysis showed that the level of student's attitude were at high level ($M = 32$, $SD = 5.77$) followed by the mean of the acceptance constructs at the medium level ($M = 25.61$, $SD = 3.79$) while the student's level of readiness were at low level ($M = 20.05$, $SD = 3.78$). The inferential analysis showed that, the differences between student's readiness and gender was ignificant. Therefore, this study implies students in developing conducive learning environment in the classroom as well as developing a positive attitude in them.

Keywords: Fun learning; Attitude; Islamic Education; 21st Century Learning; Student

1.0 PENGENALAN

Didik Hibur merupakan satu penerapan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur seperti permainan, nyanyian, bercerita, lakonan, dan puisi secara sistematik dan terancang. Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), didik hibur menjadikan sesi pembelajaran lebih menyeronokkan kerana terkandung unsur kelakar, kecindan, ada unsur estetik, permainan muzik, lakonan dan lain-lain. Didik hibur dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru kerana konsepnya yang santai dan berhibur menjadikan murid sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif. Didik Hibur dilaksanakan secara penyerapan dalam pengajaran sesuatu subjek dengan berfokuskan kepada aktiviti mengguna dan memahami penyerapan suatu keadaan. Penyerapan ialah proses menyerap pelbagai bidang ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran.

Jelas sekali kaedah didik hibur ini sejajar dengan pedagogi abad ke-21 yang berfokus kepada murid dan melatih mereka bertindak dengan aktif dalam pencarian ilmu dan maklumat agar murid berupaya berkarya dalam proses pembelajaran.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran dan pembelajaran bagi matapelajaran Pendidikan Islam biasanya diajar secara konvensional, iaitu melalui "*chalk and talk*" dalam kalangan guru. Seiring dengan pendidikan abad ke-21 ini, kaedah konvensional di dalam kelas didapati tidak sesuai lagi diaplikasikan. Hal ini demikian kerana menurut Azura dan Zakaria (2009) dalam Zaidatol Akmaliah (2005) bahawa strategi pengajaran tradisional dikenal pasti menjadi punca para murid lemah akademik atau berisiko menjadi kurang bermotivasi terhadap pelajaran yang dikendalikan secara tradisional. Sehubungan itu, amalan pengajaran tradisional "*chalk and talk*" juga menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dilihat kurang menarik, murid menjadi kurang minat dan cepat bosan untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (Khor & Noraini, 2016; Alizah & Zamri, 2015; Mohd Fairuz et al., 2011). Seperkara, pengajaran berasaskan tradisional merupakan kaedah penyampaian guru kepada para murid dengan menggunakan peralatan yang lazim terdapat di semua sekolah seperti papan hitam, kapur tulis dan buku teks (Azura & Zakaria, 2009). Implikasinya, cara konvensional yang hanya menggunakan marker, buku teks dan papan putih gagal memberikan kaedah pengajaran yang berkesan (Junaidah Jamaluddin et al., 2016).

Dalam pada itu, pengajaran dan pembelajaran juga lebih berpusatkan guru sendiri dalam kaedah pengajaran konvensional, manakala murid bertindak sebagai penerima maklumat atau ajaran guru secara pasif. Sebaliknya, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kelas abad ke-21-pula adalah berpusatkan murid, iaitu murid bertindak aktif dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri dengan mencari maklumat dan meneroka alam ilmu secara sendiri. Oleh itu, perlunya ada kaedah yang lebih berkesan dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang relevan dengan perkembangan semasa (Khor & Noraini, 2016), khususnya bagi mengajar subjek Pendidikan Agama Islam.

Ee Ah Meng (1988), menyatakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru harus menimbulkan minat murid untuk belajar, membimbing mereka dengan cara belajar yang berkesan, menjelaskan keraguan, membantu mereka menyelesaikan masalah, membekalkan bahan pengajaran, meningkatkan penguasaan kemahiran mereka, membentuk sikap pembelajaran yang betul, memupuk idealisme yang luhur dan nilai murni yang tinggi. Menurut Mohd Tarikh (2001), cara pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan yang disediakan akan mempengaruhi motivasi seseorang pelajar seterusnya mempengaruhi akademik pelajar itu sendiri. Keberkesanan pembelajaran turut bergantung kepada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Terdapat pelajar belajar dengan menerima segala isi pembelajaran dengan mudah dan cepat serta mengikuti langkah-langkah yang tersusun. Sebaliknya kedapatan pelajar yang menerima isi pelajaran secara beransur-ansur serta agak lambat untuk memahami sesuatu isi atau konsep pelajaran. Pembelajaran bukan sekadar mencurahkan maklumat secara automatik ke dalam minda pelajar. Ia memerlukan penglibatan mental dan perbuatan pelajar itu sendiri. Penerangan dan tunjuk cara sahaja tidak akan membawa kepada pembelajaran yang sebenarnya dan bersifat kekal. Hanya pembelajaran yang bersifat aktif yang akan membuahkan hasil sedemikian (Melvin L. Silberman, 2007).

Walaupun pendekatan Didik Hibur dalam pengajaran guru Pendidikan Islam dilaksanakan sejajar dalam usaha merealisasikan matlamat kurikulum, namun penyelidikan secara mendalam mengenainya perlu

dilakukan. Oleh yang demikian kajian ini perlu dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah bagi mengkaji dan mengenal pasti pendekatan Didik Hibur dalam pembelajaran Pendidikan Islam yang berfokuskan persoalan tahap pendekatan Didik Hibur dalam pembelajaran Pendidikan Islam dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

Kajian ini seterusnya di harap dapat menghasilkan satu panduan umum Guru Pendidikan Islam yang boleh diguna pakai oleh seluruh warga Pendidikan Islam sebagai kayu ukur bagi menentukan tahap kecemerlangan mereka di sekolah. Dengan ini tuntutan agama dan matlamat pendidikan serta keperluan memenuhi syarat penjawatan guru cemerlang mudah dipenuhi selain mahir menangani cabaran yang wujud di persekitaran kelas, sekolah, ibubapa dan masyarakat sekeliling.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Bahagian Kajian Literatur telah dibahagikan kepada 5 bahagian:

- a) Didik Hibur di Malaysia.
- b) Pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- c) Ciri-Ciri Didik Hibur.
- d) Kajian Didik Hibur.

3.1 Didik Hibur di Malaysia

Pendekatan didik hibur melibatkan pengajaran yang bersifat santai dan seronok dengan menghubungkan unsur kelakar, kecindan, estetik, muzik dan lakonan agar dapat menarik minat murid untuk belajar. Pendekatan yang menghiburkan ini dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan tekanan murid kepada guru mereka. Aktiviti dalam pendekatan didik hibur menitikberatkan penyelesaian masalah dengan penglibatan aktif semua murid di dalam bilik darjah. Selain itu, murid bebas bersuara untuk memberikan pendapat dan bebas untuk bergerak tetapi dalam keadaan yang terkawal berdasarkan objektif pengajaran yang hendak dicapai oleh guru. Pendekatan ini juga banyak menggunakan komunikasi anggota badan seperti mata, tangan, bahu, mimik muka, kening dan senyuman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Menurut Aminudin Ahmad, (2017), pendekatan didik hibur yang diperkenalkan kepada sistem pendidikan akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan murid. Hasilnya, pengajaran yang disampaikan oleh guru akan mudah dihayati dan difahami oleh pelajar.

Pendekatan didik hibur ini merupakan satu kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) yang bersifat santai tetapi terkawal dengan memberikan penekanan dan cara pelaksanaannya terhadap empat komponen iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan berpuisi.

Oleh itu, kefahaman murid secara total dalam mempelajari mata pelajaran di sekolah dapat direalisasikan secara terancang, bersistematik dan menyenangkan. Malah dengan pendekatan didik hibur dapat mengurangkan kebimbangan dan ketakutan kepada murid apabila menggunakan didik hibur yang berkonsepkan santai dan berhibur.

3.2 Pelaksanaan kaedah Didik Hibur

Untuk merealisasikan hasrat transformasi negara, kerajaan memperkenalkan penggunaan kaedah didik hibur di sekolah rendah dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif serta memahami kehendak murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Penyampaian ilmu yang disampaikan oleh guru akan mudah diserap dan difahami oleh murid. Didik hibur adalah sebuah pendekatan yang bersifat positif, ceria, terkawal yang mempunyai beberapa elemen yang penting untuk melaksanakannya. Antara empat elemen tersebut ialah, nyanyian, lakonan, puisi dan bercerita. Menurut Shamsudin dan Abdul Rasid (2013), untuk meningkatkan prestasi murid secara keseluruhan dalam mempelajari setiap mata pelajaran di sekolah akan dapat dirancang dengan pelan pembelajaran yang bersistematik dan bermotivasi.

Menurut Mazlan Ismail (2016), pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah didik hibur adalah merupakan sebuah kaedah yang baru dan sesuai untuk zaman moden ini. Didik hibur merangkumi elemen berhibur seperti nyanyian, bercerita, lakonan dan jenaka. Pengajaran dan pembelajaran yang sistematik boleh membantu untuk meningkatkan kualiti belajar khususnya untuk mata pelajaran yang sukar diterima oleh pelajar seperti mata pelajaran matematik. Didik hibur dilaksanakan mengikut silibus dan isi kandungan setiap mata pelajaran dengan menggunakan pelbagai elemen yang telah dirancang secara

sistematik. Dengan adanya kaedah ini dapat menimbulkan rasa ingin tahu sesi pembelajaran terhadap murid serta dapat mempraktikkan kemahiran berfikir aras tinggi KBAT (Mazlan Ismail, 2016).

Bagi melaksanakan sebuah pelan pembelajaran, para guru dicadangkan untuk merancang aktiviti berasaskan didik hibur tersebut dahulu. Oleh itu, isi perancangan tersebut perlulah mengetahui sedikit sebanyak latar belakang murid-murid dan mengaplikasikan kaedah didik hibur dengan mengikut kesesuaian latar belakang murid. Menurut Mohd Razak Mohd Nordin (2015), dengan adanya maklumat latar belakang murid, para guru dapat mengetahui cara dan kaedah untuk menarik perhatian setiap murid serta mampu menyediakan strategi dan teknik mengajar yang sesuai dan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan membawa kesan yang maksimum terhadap prestasi dan juga motivasi murid.

3.3 Ciri-Ciri Didik Hibur

Menurut Ahmad Kamal (2013), antara ciri ciri Didik Hibur adalah seperti berikut:

Yang pertama adalah sesi pengajaran yang menyeronokkan kerana ia termasuk aspek lucu, permainan muzik, lakonan, nyanyian dan sebagainya. Kedua, mengurangkan kebimbangan dan ketakutan di kalangan daripada pendidik kalangan pelajar. Idea hiburan dan pendidikan yang menyeronokkan, seperti yang dijelaskan sebelum ini. Oleh itu, pelajar sentiasa di dalam suasana pembelajaran yang positif dan diharapkan untuk bermotivasi belajar pada sesi keesokan harinya. Ketiganya, satu sesi pengajaran penuh dengan pelbagai operasi yang menarik dan pelbagai. Melalui elemen menyanyi dan berlakon, pelajar dapat memainkan peranan dengan melibatkan diri dalam aktiviti sambil berseronok. Tumpuan kepada penyampaian guru adalah arahan guru untuk dapat dilihat dan difahami oleh pelajar. Di samping menggunakan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Teknologi Komunikasi Maklumat) dan BBM (Alat Bantu mengajar) untuk menarik pelajar. untuk mengajar dan belajar. (Ahmad Kamal, 2013, Muka Surat 3)

Didik Hibur ialah kaedah pembelajaran terbaru dalam pendidikan untuk mengajar subjek dengan menumpukan pada penggunaan dan pemahaman dan penyerapan sekeliling pelajar. Penyerapan adalah kaedah menyerap pelbagai bidang pemahaman, nilai, kesucian dan kebolehan nilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan, 2010).

Terdapat empat unsur penyerapan sedia ada dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu pelbagai bidang ilmu serta tema, semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, dan kemahiran bernilai tambah. Didik hibur dimasukkan dalam penyerapan penyerapan jenis kepakaran dan topik yang berbeza. Penyerapan dalam modul ini membayangkan proses menyerap kefahaman menerusi pelbagai operasi santai dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik.

3.3 Kajian berkaitan tentang Didik Hibur

Kajian Mielonen dan Paterson (2009) mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam didik hibur dapat meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan juga membentuk kemahiran sosial kanak-kanak. Pengkaji menjalankan kajian ke atas dua orang kanak-kanak yang berusia 5 tahun. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui pemerhatian, rakaman video, temubual, nota lapangan dan lukisan kanak-kanak. Berdasarkan dapatan kajian, kanak-kanak dapat berkomunikasi antara satu sama lain sambil menjalankan aktiviti. Pengkaji berpendapat bahawa sekiranya guru mengimplementasikan konsep didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran, kanak-kanak akan dapat membina kemahiran interaksi sosial mereka dalam bentuk didik hibur seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya secara semulajadi.

Hairul dan Rohana (2010) menggunakan pendekatan didik hibur untuk mengajar Jawi. Menurut mereka berdua, terdapat banyak kaedah untuk menjana idea pelan pengajaran dan menghasilkan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Hairul dan Rohana telah memilih pendekatan didik hibur melalui 'Permainan Ular dan Tangga' bagi mengajar skrip Jawi. Ini dapat membantu murid menghadapi kesukaran dalam pengajaran dan pembelajaran skrip Jawi. Kaedah didik hibur melalui permainan yang berunsur multimedia berdasarkan permainan tradisional Ular dan Tangga digunakan untuk mengajar tulisan Jawi. Tujuannya adalah untuk menyediakan elemen interaktif dan cara yang menarik untuk mengajar Jawi. Permainan ini diuji kepada murid tahun satu dan guru-guru bahasa Jawi di salah sebuah sekolah rendah di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap minat murid dalam pembelajaran Jawi telah meningkat dengan menggunakan pendekatan pendidikan dan hiburan yang dicadangkan.

Ini di sokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Leonard Ashok, Sasi Revathi dan Saminathan (2013) dalam kajian mereka tentang 'Keberkesanan Permainan Bahasa dalam Pembelajaran

Tatabahasa Bahasa Inggeris' terhadap 60 orang pelajar. Kajian tersebut menggunakan kaedah eksperimental, iaitu 30 orang dalam kumpulan kawalan dan 30 orang pula dalam kumpulan rawatan. Tajuk tatabahasa yang difokuskan dalam kajian tersebut adalah kata nama. Hasil dapatan kajian menunjukkan kumpulan rawatan memperoleh tahap min yang lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Keputusan data analisis juga memperlihatkan dengan jelas bahawa kepentingan permainan bahasa dalam pengajaran tatabahasa bahasa Inggeris. Kajian berkenaan turut mendapati pengajaran tatabahasa melalui permainan bahasa adalah lebih berkesan daripada pengajaran tatabahasa dengan kaedah konvensional.

Selain itu, kajian Subramaniam (2014) tentang 'Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata' menggunakan permainan bahasa yang dikenali sebagai 'Jom Cari Kosa Kata' telah dijalankan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang melibatkan 60 orang murid yang mengikuti 10 sesi aktiviti permainan bahasa selama 5 hingga 8 minit. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kosa kata yang lebih luas dapat dilihat dalam kalangan murid tingkatan empat berbanding sebelum permainan bahasa diperkenalkan. Malah, murid juga diperlihatkan minat dan kesungguhan untuk mengikuti pelajaran bahasa Melayu

Mohd Izzuddin Akmal (2011), mengkaji pendekatan didik hibur menggunakan kaedah nyanyian melodi dalam pendidikan Islam bagi mengkaji minat murid dalam mengingat nama-nama malaikat dan tugasnya. Hasil kajian mendapati murid-murid menunjukkan respon tingkah laku yang baik dan penuh minat dalam aktiviti nyanyian. Kajian ini telah dilakukan terhadap 7 orang murid Tahun 2 Delima. Murid-murid ini menghadapi kesukaran untuk mengingat nama-nama malaikat dan bidang tugasnya dengan baik dan kurang berminat apabila pengkaji menggunakan cara tradisional di dalam kelas. Namun, Murid-murid berasa sangat teruja jika pengkaji menggunakan kaedah nyanyian. Mereka bersungguhsungguh untuk mengingat lirik dan melodi yang diadaptasi dari lagu kanak-kanak bahasa Inggeris iaitu 'Twinle-twinkle Little Star' dan 'If You Happy'. Lagu yang telah diadaptasi dan diubah suai inilah salah satu faktor yang mendorong mereka belajar dengan penuh minat. Metodologi kajian adalah secara kualitatif iaitu pengkaji menjalankan kajian secara tinjauan. Instrumen yang digunakan ialah ujian pra dan pos, soal selidik dan pemerhatian. Hasil Kajian Mohd Izzuddin Akmal ini membuktikan penggunaan didik hibur berasaskan nyanyian berupaya untuk meningkatkan pembelajaran dan membantu penguasaan pelajar terhadap pendidikan Islam. Selain itu, kaedah ini juga membantu pelajar untuk mengingat apa yang dipelajari.

Eliza Ramlee (2013), Mazura Sulaiman (2014), telah menggunakan kaedah nyanyian untuk mengajar Bahasa Melayu. Hasil kajian Eliza Ramlee dan Mazura Sulaiman mempunyai dapatan kajian yang sama tetapi berbeza dari segi target populasi dan metodologi kajian. Walaubagaimanapun, kedua-dua kajian ini memberi impak yang sama dengan membuktikan kebolehan menggunakan lagu dan muzik adalah sebuah cara yang baru untuk pedagogi dalam pendidikan (PdP). Kajian ini bersesuaian dengan kajian menggunakan kaedah didik hibur berasaskan nyanyian untuk pembelajaran mata pelajaran matematik. Kedua-dua kajian ini boleh menjadi bahan sokongan untuk kajian seterusnya.

Kajian Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015) telah membuat tinjauan untuk melihat dan menilai sejauh mana strategi pendekatan didik hibur untuk menarik minat pelajar Orang Asli untuk mendalami pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Beberapa aktiviti seperti menyanyi, bercerita, lakonan dan puisi termasuk dalam pendekatan didik hibur telah dilakukan. Tujuan penyelidikan adalah untuk menentukan sama ada kaedah pendekatan didik hibur adakah dapat menarik minat pelajar Orang Asli berbanding pendekatan tradisional untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasilnya menunjukkan bahawa pendekatan didik hibur ini dapat meningkatkan motivasi pelajar, minat dan penglibatan keseluruhan. Di samping mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.

Tay Meng Guat (2015) menjalankan kajian untuk mengetahui tahap kesediaan dan persepsi pelajar institut pendidikan guru terhadap pengaplikasian dan kesesuaian pendekatan didik hibur untuk pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Ismail Afferro, Mohd Zahar Kusnun (2016), mengkaji jumlah minat pelajar dan faktor yang mempengaruhi minat pelajar dalam topik matematik di dua sekolah rendah di daerah Pontian. Hasil kajian menunjukkan bahawa kadar minat pelajar dan pemboleh ubah mempengaruhi minat pelajar dalam mata pelajaran matematik peringkat tinggi. Di samping itu, tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa responden mempengaruhi dan memberi kesan kepada minat pelajar dalam topik matematik. Seiring dengan dapatan kajian Tay Meng Guat menunjukkan bahawa pelajar institut pendidikan guru bersikap positif dan mempunyai keyakinan terhadap kebolegunaan dan kesesuaian pengajaran dan pembelajaran pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran

bahasa Melayu. Mereka juga mempunyai kesedaran bahawa pembelajaran berasaskan didik hibur mampu meningkatkan prestasi pengajaran dalam bilik.

Pada tahun seterusnya, pengkaji Zanariah Wahab, Zamri Mahamod (2017), mengkaji tahap kesedaran, sikap dan kebolehan pendekatan mengajar menggunakan kaedah Didik Hibur di kalangan guru sekolah rendah Melayu di Daerah Sepang, Selangor. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perbezaan antara guru sekolah rendah Melayu antara pemboleh ubah dan kepakaran penduduk, sikap dan kebolehan dalam mengaplikasikan strategi Didik Hibur. Reka bentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini dan semua maklumat telah dikumpulkan melalui soal selidik. Sampel kajian berjumlah 140 pendidik yang mengajar Bahasa Melayu dan secara rawak dipilih dari 23 sekolah di daerah Sepang. Menurut Zanariah Wahab, Zamri Mahamod (2017), dapatan kajian ini mendapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah di Daerah Sepang Selangor mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang pendekatan didik hibur dan tahap sikap yang tinggi terhadap penggunaan pendekatan didik hibur. Namun begitu tahap kemahiran melaksanakan pendekatan didik hibur dalam kalangan guru-guru berada di tahap yang sederhana dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan ditemui antara faktor demografi (pemboleh ubah tidak bersandar) iaitu lokasi sekolah, jantina, pengalaman mengajar, opsyen dan kekerapan menggunakan Didik Hibur dengan ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran melaksanakan pendekatan Didik Hibur dalam kalangan guruguru Bahasa Melayu sekolah rendah di Daerah Sepang.

Suziana Sulaiman (2012) mendapati bahawa guru yang bersikap positif dalam pelaksanaan sesuatu pengajaran dapat menentukan keberkesanan amalan pengajaran yang membawa kepada pencapaian prestasi murid yang lebih baik. Manakala menurut Idayati Abd Wahab (2013), sikap guru sangat positif dalam pengajaran yang dijalankan menyebabkan mereka lebih bertanggungjawab untuk mengajar murid dan melakukan perubahan dalam pelaksanaan inovasi yang diperkenalkan oleh kementerian pendidikan Malaysia (KPM).

Sikap guru akan mempengaruhi penggunaan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan latar belakang murid supaya objektif pengajaran tercapai dengan sebaiknya dan murid dapat meningkatkan pengetahuan mereka (Siti Shuhaidah Abdul Latir, Ramlah Hamzah, & Abdullah Mat Rashid, 2014). Sikap guru akan menentukan sama ada guru menerima atau menolak sesuatu perubahan dalam sistem pendidikan terutama dalam pendekatan pengajaran di dalam bilik darjah, sekiranya guru menerima perubahan maka guru itu akan bersikap positif dan melaksanakan pendekatan pengajaran dengan sebaik mungkin (Norlizah Mat Ali & Fadzilah Abd Rahman, 2016).

Secara keseluruhannya, hasil-hasil kajian daripada pengkaji terdahulu telah terbukti dengan penggunaan didik hibur melalui permainan amat berkesan dan membawa impak yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran. Murid terlibat secara aktif dalam aktiviti permainan yang telah dirancang oleh guru telah berjaya membantu mereka memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran dengan lebih mudah berbanding pengajaran dan pembelajaran secara konvensional.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengandungi beberapa objektif iaitu:

- a) Mengenal pasti tahap sikap murid terhadap pendekatan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam.
- b) Mengenal pasti tahap kesediaan murid terhadap pendekatan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam.
- c) Mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap pendekatan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam
- d) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara sikap murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- e) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kesediaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- f) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara penerimaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- g) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara sikap dan kesediaan murid dalam didik hibur

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan kajian untuk dikaji iaitu:

- Apakah tahap sikap murid terhadap pendekatan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam.
- Apakah tahap kesediaan murid terhadap pendekatan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam.
- Apakah tahap penerimaan murid terhadap pendekatan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam.
- Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesediaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara penerimaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan kesediaan murid dalam didik hibur.


6.0 HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- Ho2 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesediaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- Ho3 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penerimaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.
- Ho4 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara di antara sikap dan kesediaan murid dalam didik hibur.

7.0 METODOLOGI

7.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kajian tindakan. Namun begitu untuk mendapat maklumbalas pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik. Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada Gelung Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart (1988) yang menyarankan empat langkah kajian iaitu mereflek, merancang, tindakan, dan memerhati.



Rajah 1: Gelung Kajian Tindakan Model Kemmis & McTaggart (1988)

1. *Mereflek*

Proses refleksi dilakukan oleh pengkaji bagi mengenalpasti kaedah dan pendekatan yang menyeronokkan dalam sesi PdPC. Pengkaji telah melaksanakan proses pengumpulan awal data bagi mengesan kaedah dan pendekatan yang sesuai kerana pelajar didapati pasif di dalam pengajaran Pendidikan Islam. Proses ini dilaksanakan dalam bentuk pemerhatian dan refleksi sendiri guru. Berdasarkan data yang diperolehi,

pengkaji telah mengenalpasti keperluan penggunaan pendekatan dapat menghasilkan keseronokan pada murid tahun 6 semasa sesi PdPC Pendidikan Islam iaitu kaedah didik hibur.

2. Merancang

Setelah keperluan dikenalpasti, pengkaji merancang suatu pendekatan yang membantu murid untuk dijadikan fokus utama dalam kajian ini. Pengkaji mula menyediakan kerangka kajian iaitu objektif kajian, membentuk soalan kajian, kepentingan kajian, membuat rujukan literatur, menentukan kumpulan sasaran kajian, alat-alat kajian serta merancang tindakan. Pengkaji juga menyediakan rancangan pengajaran harian dan aktiviti-aktiviti yang sesuai.

3. Bertindak

Pengkaji memilih pendekatan didik hibur sebagai keperluan pendekatan yang dapat menghasilkan keseronokan pada murid tahun 6 semasa sesi PdPC Pendidikan Islam. Pengkaji mengaplikasikan kaedah didik hibur ini sebanyak 8 kali dalam satu kitaran. Untuk penilaian atau refleksi pelajar terhadap kebolehgunaan kaedah didik hibur ini, maka pengkaji menyediakan borang soal-selidik. Borang soal-selidik diedar untuk mengenal pasti elemen didik hibur yang diterapkan oleh guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

4. Memerhati

Pada peringkat ini, pengkaji merekod dan menganalisis segala data yang diperolehi. Data dianalisis dengan statistik deskriptif iaitu peratusan, min, dan sisihan piawai dan statistik inferensi seperti t-test dan kolerasi, seterusnya diterjemahkan di dalam bentuk jadual dan graf.

8.0 SAMPEL KAJIAN /LOKASI

Pensampelan merupakan satu langkah penting dalam memulakan sesuatu penyelidikan sains sosial kerana pensampelan dan populasi adalah suatu konsep yang penting dan perlu dirangka dengan baik dalam memungut data. Dalam kajian ini, penyelidik melibatkan seramai 102 orang murid di sebuah sekolah di daerah Seremban Negeri Sembilan.

9.0 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Pengkaji telah merancang dan membahagikan borang soal-selidik kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A dalam borang soal selidik mengandungi soalan-soalan demografi responden dan soalan yang ditanya ialah tentang jantina dan kelas. Bahagian B berkaitan dengan Sikap pelajar. Bahagian C berkenaan Kesediaan Murid. Bahagian D berkenaan Penerimaan Pelajar. Soalan ini berbentuk skala Likert lima maklumat iaitu dari sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Kesemua soalan perlu dijawab oleh responden. Terdapat 19 soalan yang perlu dijawab oleh responden bagi mendapatkan kesan keberkesanan pendekatan didik hibur dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

Alat ukur kebolehpercayaan dalam kajian ini dianalisa dengan mengira nilai koefisien Alpha Cronbach. Alpha Cronbach adalah keadah ujian yang sangat terkenal dan kebiasaanya sering dilakukan untuk menilai ketekalan dalaman sesuatu kaedah. Setiap soalan dianalisis dengan menggunakan Statistical Package For The Social Sciences (SPSS). Majid Konting (1993) & Ghazali & Sufean (2018) menyatakan semua hasil dapatan data kajian akan dilihat dengan memastikan pekali nilai Alpha Cronbach melebihi nilai 0.5.

10.0 ANALISIS DATA

Semua data dikumpul, diteliti satu demi satu supaya hasil pengolahan serta menganalisis menepati piawaian. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi menggunakan perisian SPSS 23.0.

11.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu taburan demografi, mengenal pasti sikap pelajar terhadap penggunaan kaedah didik hibur dalam pendidikan Islam, mengenal pasti kesediaan pelajar dalam penggunaan kaedah didik hibur, mengenal pasti penerimaan pelajar dalam penggunaan kaedah didik hibur. Data dianalisis secara deskriptif bagi mencari min, peratus dan frekuensi bagi menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan tahap kefahaman dan amalan. Manakala analisis inferensi iaitu ujian t dua sampel bebas dijalankan bagi melihat perbezaan pemboleh ubah berdasarkan jantina manakala ujian korelasi Pearson dijalankan untuk melihat hubungan di antara pemboleh ubah.

11.1 Taburan Demografi

Kajian ini melibatkan 102 orang pelajar tahun enam yang beragama Islam yang melibatkan sebuah sekolah rendah di daerah Seremban.

Jadual 1: Taburan kekerapan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	44	43.14
Perempuan	58	56.86
Jumlah	102	100.0

Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut jantina pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 102 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Peratusan pelajar lelaki adalah 43.14 peratus manakala peratusan pelajar perempuan 56.86 peratus.

11.2 Tahap Sikap Pelajar terhadap Penggunaan Kaedah Didik Hibur Dalam Pendidikan Islam.

Jadual 2: Nilai Skor Min Bagi Sikap Pelajar

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya suka mempelajari Pendidikan Islam	4.39	0.69	Tinggi
2	Saya suka membaca dan mengulang-kaji menggunakan buku teks Pendidikan Islam	3.59	0.83	Sederhana
3	Saya suka mempelajari Pendidikan Islam kerana mudah difahami dan dipelajari	3.96	0.92	Tinggi
4	Saya sentiasa segera menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru	3.40	0.85	Sederhana
5	Saya sentiasa memberi tumpuan ketika mempelajari Pendidikan Islam	4.13	0.89	Tinggi
6	Pendidikan Islam memberikan banyak nilai-nilai murni kepada saya.	4.69	0.66	Tinggi
7	Pengajaran guru sangat menggalakkan dan meransang untuk saya berfikir	4.13	0.91	Tinggi
8	Guru sentiasa membuat penerangan yang jelas tentang topik yang dipelajari dalam Pendidikan Islam	4.54	0.68	Tinggi
Skor Min Keseluruhan		4.10	0.80	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (2002)

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian berkaitan sikap terhadap kaedah didik hibur yang dipelajari di bilik darjah. Analisis menunjukkan tahap sikap pelajar terhadap penggunaan didik hibur di dalam pendidikan Islam keseluruhannya adalah tinggi iaitu ($M=4.10$, $SP=0.81$). Terdapat 6 item yang mempunyai skor yang tinggi iaitu item 6 ($M=4.69$, $SP=0.65$), item 8 ($M=4.54$, $SP=0.68$), item 1 ($M=4.54$, $SP=0.68$), item 5 ($M=4.13$, $SP=0.89$), item 7 ($M=4.13$, $SP=0.91$) dan item 3 ($M=3.96$, $SP=0.92$) manakala 2 item mempunyai skor yang sederhana iaitu item 2 ($M=3.59$, $SP=0.83$) dan item 4 ($M=3.40$, $SP=0.84$). Ini

bermakna bahawa responden mempunyai minat yang tinggi terhadap penggunaan kaedah didik hibur dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

11.3 Tahap Kesian Pelajar Dalam Penggunaan Kaedah Didik Hibur

Jadual 3: Nilai Skor Min Bagi Kesian Pelajar

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
1	Saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab menggunakan pendekatan didik hibur dalam bilik darjah	3.79	0.69	Sederhana
2	Saya sentiasa mengambil bahagian dalam interaksi kerja berkumpulan menggunakan pendekatan didik hibur dalam bilik darjah	3.94	1.00	Sederhana
3	Saya sentiasa membaca bahan Pendidikan Islam yang berkaitan setelah selesai menggunakan pendekatan didik hibur dalam bilik darjah	3.88	0.76	Sederhana
4	Aktiviti menggunakan pendekatan didik hibur yang dijalankan membantu saya menguasai isi pelajaran yang di sampaikan.	4.21	0.82	Tinggi
5	Pendekatan didik hibur yang digunakan oleh guru menarik minat saya untuk memberi tumpuan dalam pembelajaran.	4.22	0.84	Tinggi
Skor Min Keseluruhan		4.00	0.82	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (2002)

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian berkaitan kesediaan murid terhadap kaedah didik hibur yang dipelajari di bilik darjah. Kesediaan murid terhadap penggunaan didik hibur di dalam pendidikan Islam keseluruhannya adalah ($M= 4.00$, $SP= 0.82$). Terdapat 2 item yang mempunyai skor yang tinggi iaitu item 5 ($M=4.22$, $SP=0.84$) dan item 4 ($M=4.21$, $SP=0.82$), manakala 3 item mempunyai skor yang sederhana iaitu item 2 ($M=3.94$, $SP=1.00$) item 3 ($M=3.88$, $SP=0.76$) dan item 1 ($M=3.79$, $SP=0.69$). Ini bermakna bahawa responden bersedia apabila didedahkan dengan penggunaan kaedah didik hibur dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

11.4 Tahap Penerimaan Murid Dalam Penggunaan Kaedah Didik Hibur

Jadual 4: Nilai Skor Min Bagi Penerimaan Pelajar

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
1	Saya suka mempelajari Pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan didik hibur.	4.43	0.75	Tinggi
2	Saya lebih ingin belajar dan menguasai Pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan didik hibur.	4.21	0.82	Tinggi
3	Saya suka membaca buku Pendidikan Islam selepas menggunakan pendekatan didik hibur.	3.75	0.80	Sederhana
4	Pendekatan didik hibur membantu saya memahami sesuatu tajuk yang diajar guru.	4.34	0.74	Tinggi
5	Pendekatan didik hibur yang digunakan oleh guru amat menyeronokkan, mudah dan menarik.	4.54	0.77	Tinggi
6	Pengajaran guru dengan menggunakan pendekatan didik hibur amat berkesan untuk membantu saya menguasai isi pengajaran.	4.33	0.71	Tinggi
Skor Min Keseluruhan		4.23	0.92	Tinggi

Sumber : Jamil Ahmad (2002)

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian berkaitan penerimaan murid terhadap kaedah didik hibur yang dipelajari di bilik darjah. Penerimaan murid terhadap penggunaan didik hibur di dalam pendidikan Islam keseluruhannya adalah ($M= 4.23$, $SP= 0.92$). Hampir keseluruhan item mempunyai skor yang tinggi iaitu item 5 ($M=4.54$, $SP=0.77$), item 1 ($M=4.43$, $SP=0.75$), item 4 ($M=4.34$, $SP=0.74$) item 6 ($M=4.33$,

SP=0.71) dan item 2 (M=4.21, SP=0.82). Item 3 sahaja yang mempunyai skor yang sederhana iaitu (M=3.75, SP=0.80). Ini bermakna bahawa responden positif menerima penggunaan kaedah didik hibur dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

11.5 Perbezaan yang signifikan diantara sikap murid, kesediaan murid dan penerimaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.

Jadual 5: Perbezaan diantara sikap, kesediaan dan penerimaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina

	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	Sig
Sikap	lelaki	44	31.75	6.59	-1.72	0.87
	perempuan	58	33.72	4.96		
Kesediaan	lelaki	44	19.68	4.01	-0.87	0.38
	perempuan	58	20.30	3.62		
Penerimaan	lelaki	44	24.40	5.27	-2.56	0.01
	perempuan	58	26.51	2.93		

Berdasarkan jadual 5, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap sikap murid terhadap didik hibur ($t=-1.72$; $p>0.05$). Tahap sikap murid lelaki (M=31.75) adalah sama dengan tahap sikap murid perempuan (M=33.72). Bagi tahap kesediaan murid dan penerimaan murid, terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan murid ($t=-0.87$; $p<0.05$) dan penerimaan murid ($t=-2.56$; $p<0.05$) terhadap didik hibur. Ini bermakna tahap kesediaan murid lelaki (M=19.68) adalah tidak sama dengan tahap kesediaan murid perempuan (M=20.30) dan penerimaan murid lelaki (M=24.40) adalah tidak sama dengan tahap kesediaan murid perempuan (M=26.51).

11.6 Hubungan Antara Sikap Murid terhadap Didik Hibur dan Penerimaan di Kalangan Sekolah Rendah

Analisis Korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kedua pemboleh ubah iaitu sikap pelajar mengenai didik hibur terhadap penerimaan dalam kalangan pelajar sekolah rendah di daerah Seremban. Hubungan antara kedua pemboleh ubah ini telah di uji dengan mengambil kira kekuatan hubungan yang berpandukan kepada Skala Kekuatan Hubungan oleh Cohen, Manion dan Marisson (2011) seperti Jadual 6.

Jadual 6. Kekuatan hubungan mengikut nilai pekali korelasi

Saiz Pekali Korelasi(r)	Kekuatan Korelasi
$\pm .81$ hingga 1.00	Sangat Kuat
$\pm .51$ hingga .80	Kuat
$\pm .31$ hingga .50	Sederhana
$\pm .21$ hingga .30	Lemah
$\pm .01$ hingga .20	Sangat lemah

Hasil kajian Analisis Inter Korelasi Pearson dalam Jadual 7 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperoleh dari hasil analisis yang telah dijalankan. Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi Pearson antara tahap sikap pelajar mengenai didik hibur dan tahap penerimaan dalam kalangan pelajar sekolah rendah adalah $r = 0.96$, $P = 0.00$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan kedua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang sederhana. Maka hipotesis nol (H_0) tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara tahap sikap pelajar mengenai didik hibur dan tahap penerimaan dalam kalangan pelajar sekolah adalah ditolak.

Jadual 7: Hubungan antara tahap sikap pelajar mengenai didik hibur dan tahap penerimaan dalam kalangan pelajar sekolah

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
sikap pelajar mengenai didik hibur dan penerimaan dalam kalangan pelajar sekolah rendah	0.96**	0.00	Sangat Kuat

**Hubungan signifikan pada aras 0.01

12.0 PERBINCANGAN

12.1 Sikap Murid, Kesediaan Murid dan Penerimaan Murid Terhadap Matapelajaran Pendidikan Islam.

Dapatan kajian menunjukkan min markah yang diperolehi bagi konstruk sikap adalah 4.10 berada pada tahap tinggi. Kajian ini serasi dengan kajian oleh Mohd Zahir (2003), mendapati sikap dan minat mempunyai hubungan penting dengan prestasi pelajar dalam apa jua bidang. Jelasnya minat pelajar akan mendorong pembelajaran secara mendalam.

Selain itu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa jumlah min skor bagi konstruk kesediaan pelajar adalah 4.23 (tahap tinggi) seperti merujuk kepada jadual 3. Keadaan ini menunjukkan responden yang terlibat menunjukkan bahawa melalui kaedah didik hibur dapat meningkatkan tahap kesediaan mereka dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Hal ini disokong dengan dapatan kajian Mat Janudin (2002) menyatakan bahawa aspek kesediaan murid sangat penting bagi menghadapi pengajaran dengan menggunakan kaedah baru. Tahap kesediaan yang rendah dalam kalangan murid memberi makna kurang minat terhadap pembelajaran. Sebaliknya tahap kesediaan tinggi dalam kalangan pelajar bermakna wujud minat yang mendalam terhadap pembelajaran. Pengkaji berpendapat bahawa kesediaan murid boleh dipengaruhi oleh sikap dan pengetahuan sedia ada mereka. Hal ini disokong dengan pandangan Habibah dan Rahil (1990) menyatakan bahawa pengetahuan dan pengalaman sedia ada sangat mempengaruhi kesediaan murid untuk belajar. Malah pengetahuan sangat penting bagi memastikan seseorang murid itu mampu menghadapi pembelajaran baru dan seterusnya memudahkan pembelajaran itu berlaku.

Di samping itu, berdasarkan daripada dapatan kajian bagi mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap pendekatan Didik Hibur di kalangan murid di sekolah tersebut-adalah pada tahap tinggi. Ini dapat dilihat pada Jadual 4 bagi konstruk penerimaan pelajar adalah 4.54. Keadaan ini menunjukkan bahawa Didik Hibur sering diguna pakai di sekolah tersebut. Hal keadaan ini signifikan dengan kajian Shaffe Mohd Daud dan rakan-rakannya (2011) dalam jurnal pendidikan universiti Putra Malaysia, di bawah tajuk Pengaruh amalan jenaka Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Murid telah mendapati suasana pembelajaran yang seronok dapat diwujudkan sekiranya guru berjenaka dalam bilik darjah. Justeru boleh dikatakan penerapan Didik Hibur berkesan dalam meningkatkan minat belajar murid sekolah rendah. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari instrumen kajian yang diedarkan di kelas-kelas terbabit juga didapati responden bersetuju dengan setiap soalan yang diberikan. Oleh yang demikian, ia dapat disimpulkan bahawa setiap murid mengharapkan adanya kepelbagaian kaedah pengajaran guru semasa proses (PdP) pendidikan Islam di sekolah rendah. Kaedah Didik Hibur amat berkesan memberi minat serta motivasi belajar di kalangan murid-murid sekolah rendah. Kesan minat serta motivasi belajar tersebut merupakan pengalaman bermakna yang akan menjadikan murid tersebut meminati sesuatu mata pelajaran khususnya pendidikan Islam.

12.2 Perbezaan yang signifikan sikap murid, kesediaan murid dan penerimaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina.

Hasil analisis deskriptif telah membawa kepada tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap murid dan penerimaan murid dalam didik hibur berdasarkan jantina. Dapatan analisa ini dengan menggunakan kaedah Ujian-t. Keputusan yang diperolehi dapat dilihat dalam Jadual 5. Pendekatan didik hibur menjadikan sesi pengajaran yang menarik serta seronok bagi pelajar lelaki dan perempuan. Hal ini selari dengan dengan kajian Roselan (2006), menyatakan pengajaran bukan sekadar melihat pelaksanaan yang sistematik dan berkesan namun aspek keselesaan dan keseronokan pelajar, soal psikologis dan emosional sepatutnya turut diambil kira. Apa yang penting untuk memastikan pengajaran berlaku dan terlaksana, beliau mencadangkan

perspektif pengajaran yang konservatif perlu digantikan dengan dengan perspektif yang lebih progresif, santai dan menyeronokkan serta relevan dengan dunia pendidikan semasa.

Menurut Sharifah Alawiyah (1985), sikap adalah situasi apabila seseorang mudah dipengaruhi supaya bertindak balas secara positif atau negatif kepada orang lain, sesuatu keadaan atau idea. Sikap juga merujuk kepada kecenderungan seseorang supaya bertindak balas secara positif atau negatif terhadap sesuatu idea. Sikap melibatkan kepercayaan, perasaan dan pemikiran yang mempengaruhi individu dalam memberikan nilai kepada sesuatu yang diminati atau sebaliknya (Norhaya 2015; Nor Hasmaliza 2016).

Siti Nurliyana (2015) pula menyatakan bahawa kesediaan merujuk kepada satu bentuk proses yang melibatkan pengintegrasian aspek fizikal, mental dan emosi seseorang murid semasa melaksanakan sesuatu tindakan. Sebagai contoh, murid yang sudah bersedia untuk belajar mampu memahami dan menghayati sesuatu pelajaran dengan lebih mudah berbanding dengan murid yang masih belum bersedia di mana kesannya akan menyebabkan mereka keliru di akhir pembelajaran. Secara jelas kesediaan dapat difahami apabila seseorang berupaya untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kesediaan merangkumi kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor (Mok Soon Sang 2002). Oleh itu murid perlu sentiasa bersedia bagi memastikan sebarang tindakan yang bakal dilakukan nanti mencapai matlamat dan tujuan asalnya.

Kajian Mat Janudin (2002) menyatakan bahawa elemen kesediaan murid sangat penting bagi menghadapi pengajaran menggunakan kaedah baru. Sekiranya tahap kesediaan yang tinggi dalam kalangan murid menunjukkan wujud minat yang mendalam terhadap pembelajaran. Tetapi jika tahap kesediaan yang rendah menjelaskan makna sebaliknya. Pandangan Habibah dan Rahil (1990) pula menyatakan bahawa kesediaan seseorang murid untuk belajar boleh dipengaruhi oleh pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pengetahuan sangat penting bagi memastikan seseorang murid itu mampu menghadapi pembelajaran baru dan seterusnya memudahkan aktiviti pembelajaran berlaku. Hal ini bertepatan dengan hukum kesediaan Thorndike 1913 iaitu seseorang individu bersedia bagi melaksanakan tindakan dan kesannya tindakan tersebut memberi kepuasan kepadanya.

12.3 Hubungan yang signifikan diantara tahap sikap pelajar mengenai didik hiburan dan tahap penerimaan dalam kalangan pelajar sekolah.

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap pelajar mengenai didik hiburan dan tahap penerimaan dalam kalangan pelajar sekolah. Keduanya berhubung secara positif manakala kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana. Walaupun nilai korelasi berada pada tahap yang sederhana ($r = 0.96$) namun ia menunjukkan bahawa tahap sikap seseorang mengenai sesuatu pengetahuan dapat meningkatkan tahap penerimaan dalam kehidupan seharian manusia.

Memetik pernyataan Norhani Bakri (2005), perlakuan seseorang dipengaruhi kuat oleh sikapnya terhadap sesuatu perkara itu. Sikap yang positif akan melahirkan perlakuan yang positif dan begitulah sebaliknya. Dapatan kajian beliau juga telah mengenalpasti masalah sikap pelajar yang berprestasi kurang memuaskannya ini berpunca daripada tiada kesungguhan untuk mendapat markah yang cemerlang (80.4%) dan tidak kisah jika tidak lulus peperiksaan (86.3%). Sikap-sikap inilah yang mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka. Di sini jelas menunjukkan sikap memainkan peranan yang penting dalam menentukan pencapaian akademik seseorang pelajar universiti.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Nor Azah Samot (2006) mendapati daripada hasil analisis beliau tiga daripada enam faktor mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar dalam Kursus Teori Statistik. Antara tiga faktor tersebut, faktor sikap telah menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian Teori Statistik pada aras keertian 5%. Daripada dapatan ini, didapati pelajar yang mempunyai minat dan sikap yang positif terhadap Kursus Teori Statistik akan mendorong pelajar tersebut untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam kursus ini.

Morris (1981) pula mendapati kebanyakan pelajar tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam Matematik disebabkan oleh sikap negatif mereka terhadap subjek itu. Ini disokong lagi dengan kajian yang telah dilakukan oleh Cheung (1988) di Hong Kong yang melaporkan terdapat hubungan yang positif antara sikap pelajar sekolah menengah terhadap matematik dengan pencapaian dalam matematik. Dr. Arham Abdullah (2006), dalam kajian beliau telah mendapati faktor persekitaran dan sikap pelajar terhadap pembelajaran banyak mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Menurut beliau lagi, sikap pelajar sama ada dari segi disiplin, kesungguhan ketika belajar di dewan kuliah, hubungan dengan pensyarah dan cara pembelajaran juga amat penting bagi membantu melahirkan pelajaran yang cemerlang dari segi akademik

13.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan didik hiburan di dalam kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan satu pelaksanaan yang membawa banyak manfaat kepada guru mahupun kepada pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menjadi semakin menarik dan bermakna kerana ianya menerapkan unsur-unsur seni dalam pembelajaran. Penyampaian oleh guru turut mempengaruhi kehendak pelajar untuk belajar. Dengan adanya pelaksanaan didik hiburan ini, murid akan bepeluang belajar dalam suasana yang menyeronokkan di samping menimba ilmu yang ingin disampaikan oleh guru.

Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga, guru diharapkan dapat menerap kemahiran-kemahiran bernilai tambah. Terdapat banyak elemen kemahiran bernilai tambah yang boleh diterapkan oleh guru. Selain daripada itu, guru juga perlu menerapkan nilai-nilai murni serta semangat patriotik dalam proses pengajaran mereka. Semua elemen ini akan melahirkan pelajar yang bukan sahaja maju dalam akademik tetapi juga melahirkan individu yang mempunyai minda kelas pertama yang diinginkan oleh negara. Natiujahnya, subjek ini membantu bakal guru dalam menjalani tugas mereka kelak. Pelaksanaan didik hiburan diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi murid dalam pendidikan Islam dari hari ke hari.

14.0 RUJUKAN

- Abdul Rahman Abd Aziz. (2012). *Humor (Kecindan) dalam Pengajaran*. Pulau Pinang: BERU Publication.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1)(2015):1-2.
- Arham Abdullah, et al (2006). Faktor-faktor Yang Menyumbang kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Diperolehi pada Julai 25, 2007daripada: [http://eprints.utm.my/458/1/ArhamAbdullah2006_Faktorfactoryang menyumbangkepada.pdf](http://eprints.utm.my/458/1/ArhamAbdullah2006_Faktorfactoryang%20menyumbangkepada.pdf)
- Azura Ishak & Zakaria Kasa. (2009). Perbandingan Pengajaran Berasaskan Multimedia dan Tradisional ke Atas Pencapaian Matematik dan Sikap Matematik di Kalangan Pelajar Berisiko. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia* 5(2009): 79-89.
- Cheung, K.C.(1988).Outcome of Schooling; Mathematics Achievement And Attitudes Towards Mathematics learning In Hong Kong. *Educations Studies In Mathematics*. Vol 19, 209-219.
- Cohen, L., Manion, L., & Marrison, K. (2011). *Research methods in education* (7th ed.). New York, USA: Routledge Taylor & Francis Group.
- Ee Ah Meng (1988). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Eliza Ramlie (2013, Disember 22). Didik hiburan dalam pengajaran BM. Retrieved from <https://www.slideshare.net/elizaramlee/didik-hibur-dalam-pengajaran-bm>
- Habibah Elias & Rahil Mahyuddin. 1990. *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hairul Aysa Abdul Halim Shitiq & Rohana Mahmud. (2010). Using an Edutainment Approach of Snake and Ladder Game for Teaching Jawi Script. *International Conference on Education and Management Technology (ICEMT 2010)*: 228-232.
- Idayati Abd Wahab. (2013). Pengetahuan, Sikap dan Amalan dari Persepsi Guru dalam Pengajaran Kontekstual bagi Mata Pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik di Sekolah Menengah Teknik Malaysia. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Jamil Ahmad (2002), *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru Sekolah*. Satu Penilaian. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Junaidah Jamaluddin, Norlaila Mohd Din, Mohamad Azmi Nias Ahmad, Faizan Abdul Jabar, Nur Syazwani Mohamad Fadzillah, & Zuhariah Husin. (2016). Keberkesanan Kaedah Permainan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Prinsip Perakaunan di Sekolah Menengah. *KONAKA* (2016): 53-57.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010)*. Edisi Pelancaran PIPP 2006. Diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM).Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia*.Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Khor, Huan Chin & Noraini Mohamed Noh. (2016). Keberkesanan Penggunaan Papan Putih Interaktif Dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia Dalam Kalangan Murid Tahun 3. *JPBUE Edisi Khas* (2016): 11-17.
- Leonard Ashok, M., Sasi Revathi, P. & Saminathan, P. B. (2013). Effectiveness of Language Games in Learning English Grammar. *Shanlax International Journal of Education*, Vol. 1, No. 3, July, 2013, pp. 16-23.
- Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2013). Estetika dalam Teks dan Multimedia Siri Unggas. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Mat Janudin Jamrin. 2002. Keberkesanan penggunaan teknik mengajar peta konsep dalam mata pelajaran Ekonomi Asas tingkatan empat. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Janudin Jamrin. 2002. Keberkesanan penggunaan teknik mengajar peta konsep dalam mata pelajaran Ekonomi Asas tingkatan empat. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazura Sulaiman (2014). Aplikasi Didik Hibur Menggunakan Lagu-Lagu Filem Pendekar Bujang Lapok Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Bahasa Melayu Kepada Murid-Murid Orang Asli. Retrieved from https://www.academia.edu/27597111/APLIKASI_DIDIK_HIBUR_MENGGUNAKAN_LAGU_FILEM_PENDEKAR_BUJANG_LAPOK_DALAM_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_BAHASA_MELAYU KEPADA_MURID-MURID_ORANG_ASLI?auto=download
- Melvin L. Silberman (2007). *The Handbook of Experiential Learning*. New York, United States: John Wiley & Sons Inc.
- Mielonen, A. M. & Paterson, W. (2009). Developing literacy through play. *Journal of Inquiry & Action in Education*, 3(1).
- Mohamad Safwandi Suaidi. (2017). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan dalam Kalangan Guru Novis dan Guru Berpengalaman di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-8*, 1–6.
- Mohd Izzuddin Akmal Rusmi. (2011). Keberkesanan nyanyian melodi ria untuk meningkatkan kemahiran mengingat nama 10 malaikat bagi murid tahun 2 Delima Sekolah Kebangsaan Kampung Gemuruh. Retrieved from: <http://ipgmkdri.edu.my/ibrahim/sampel%20kajian%201.pdf> (20 Mac 2012)
- Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015). Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap Dan Minat Murid Orang Asli Di Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 100-120. <http://www.ipgmipoh.edu.my/journal/index.php/dedikasi/article/view/33/30>
- Mohd Tarikh (2001), 'Kajian Terhadap Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Untuk Memotivasikan Pelajar lepasan Sijil.
- Mohd Zahir Khasim (2003). Tinjauan terhadap minat, pengajaran guru, pengaruh keluarga dan tahap pembelajaran terhadap mata pelajaran matematik di Sekolah Menengah Teknik Butterworth. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2002. *Pedagogi: Pelaksanaan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Morris, J. (1981). *Math Anxiety : Teaching To Avoid It*. *The Mathematics Teachers*. Vol. 74(6).
- Nor Azah Samot@Samat (2006). Faktor-faktor Penentu Kecemerlangan Pelajar dalam Kursus Teori Statistik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Diperolehi Julai 25, 2007 daripada: <http://ppp.upsi.edu.my/eWacana/FaktorPenentuAbstrakBM.htm>
- Nor Hasmaliza Hasan. 2016. Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhaya Isa. 2015. Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Terhadap Pendekatan Didik Hibur. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlizah Mat Ali, & Fadzilah Abd Rahman. (2016). Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1–8.

- Roselan Baki. 2006. Kualiti Pengajaran: Menggantikan Pendekatan Serious dengan Pendekatan Santai. Seminar dan Bengkel Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan. 16 September. Hotel Marriott Putrajaya
- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi (2011). Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Murid, *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 26(1),125–144, 2011.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff. 1985. Ilmu Pendidikan Pedagogi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Nurliyana Ab Halim. 2015. Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Shuhaidah Abdul Latir, Ramlah Hamzah, & Abdullah Mat Rashid. (2014). Hubungan pengetahuan dan sikap guru Sains Pertanian terhadap pengajaran kontekstual. *Sains Humanika*, 4(1993), 1–5.
- Subramaniam, Ilanko. (2014). Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 1-9.
- Suziana Sulaiman. (2012). Tahap Penguasaan Proses Sains dan Sikap Guru serta Halangan dalam Pengajaran Kemahiran Saintifik bagi Mata Pelajaran Sains Pertanian. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.